



PERTANDINGAN TENPIN BOLING BERPASUKAN SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN 50 TAHUN PENUBUHAN MAKSAB SABAH.

07 - 10 November 2015

1. KELAYAKAN

- 1.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli gabungan MAKSAB Malaysia yang terdiri daripada kakitangan yang berkhidmat di Kementerian, Jabatan serta Badan Berkanun di bawah agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
- 1.2 Penyertaan daripada gabungan PBT atau Kementerian yang berlainan, pertubuhan, syarikat swasta atau mana-mana kelab sukan adalah tidak layak untuk menyertai pertandingan ini kecuali jemputan kepada syarikat korporat dan persatuan yang terpilih di Negeri Sabah sahaja.
- 1.3 Pemain yang masih atau pernah mewakili pasukan Malaysia selepas tahun 2005, tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 1.4 Penyertaan dari kalangan kakitangan lantikan sementara atau kontrak hanya dibenarkan menyertai pertandingan ini jika telah berkhidmat sepenuh masa tidak kurang dari 6 bulan sebelum tarikh pertandingan.

2. FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap pasukan terdiri daripada 4 orang pemain dari satu Jabatan atau di bawah satu Kementerian yang sama. Setiap pasukan boleh menghantar 4 orang pemain lelaki/ pemain wanita atau gabungan pemain lelaki dan pemain wanita.
- 2.2 Pertukaran pemain tidak dibenarkan setelah pemain berkenaan memulakan permainan dalam mana-mana acara.
- 2.3 Setiap pemain **wajib** bermain dalam semua acara :-

<u>Acara</u>	<u>Bilangan Permainan</u>
Perseorangan (<i>Single</i>)	5 permainan
Berdua (<i>Double</i>)	5 permainan
Berempat (<i>Foursome</i>)	5 permainan

- 2.4 Pemenang bagi setiap acara akan ditentukan berdasarkan jumlah jatuhan pin tertinggi termasuk handicap.
- 2.5 Setiap pemain akan diberi handicap berdasarkan handicap yang diberi oleh CPS Bowl dan mana-mana pemain yang tidak mempunyai rekod, handicap akan ditentukan oleh pihak penganjur. Berikut adalah handicap yang digunapakai semasa pertandingan :-

	<u>Lelaki</u>	<u>Wanita</u>
Pemain Negeri 2010 ke atas/ Putih	0	5
Pemain pasukan luar dari Sabah & W.P Labuan/ Merah	5	10
Kuning	10	15
Biru	15	20
Hijau	20	25

- 2.6 Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan jumlah jatuhan pin bagi semua acara yang dipertandingkan termasuk handicap.
- 2.7 Setiap bantahan semasa pertandingan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan dikemukakan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan** dalam masa 30 minit selepas sesuatu acara selesai beserta bayaran **RM200.00** yang tidak akan dikembalikan.
- 2.8 Setiap borang penyertaan perlu disahkan oleh **Ketua Jabatan** dan pemain dinasihatkan membawa dokumen berkenaan sebagai bukti pengesahan jawatan jika diperlukan oleh pihak penganjur.
- 2.9 Penyertaan dari kalangan kakitangan lantikan sementara atau kontrak yang telah berkhidmat sepenuh masa tidak kurang dari 6 bulan sebelum tarikh pertandingan, perlu membawa **salinan penyata KWSP** yang telah disahkan benar oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- 2.10 Pertandingan ini juga menjadi platform bagi memilih pemain *wildcard* yang layak untuk diserapkan dalam pasukan MAKSAB Sabah 2016.

3 SYARAT-SYARAT KHAS PERTANDINGAN

- 3.1. Undang-undang pertandingan ini adalah berdasarkan syarat-syarat pertandingan yang digunakan oleh WTBA dan MTBC. Pihak penganjur berhak untuk meminda atau menambah peraturan-peraturan pertandingan tanpa sebarang notis.
- 3.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 3.3 Segala keputusan yang dibuat oleh pihak Jawatankuasa Pertandingan ini adalah muktamad.
- 3.4 Setiap pasukan dikehendaki melapor diri dan mendaftar 30 minit sebelum pertandingan bermula (bagi semua acara).
- 3.5 Sekiranya terdapat pasukan/pemain yang lewat datang selepas 3 frame pada game pertama, pasukan/pemain berkenaan akan diberi *blindscore* bagi game tersebut dan hanya akan dibenarkan memulakan permainan dari game kedua hingga seterusnya.
- 3.6 Sekiranya terdapat pasukan/pemain yang lewat datang selepas tamat game kedua, pasukan tersebut tidak dibenarkan meneruskan permainan pada game ketiga dan seterusnya. Pasukan/pemain yang terlibat akan dikira sebagai tidak layak menyertai acara yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, pasukan/pemain yang terlibat akan diberi markah *blindscore* untuk dibawa ke jumlah keseluruhan acara berpasukan.
- 3.7 Pakaian dan Tatatertib:
 - 3.7.1 Semua peserta diwajibkan memakai pakaian yang sesuai dan lazimnya dipakai dalam sukan Tenpin Boling
 - 3.7.2 Peserta lelaki dan wanita sama sekali tidak dibenarkan memakai **seluar pendek, seluar jeans, track bottom dan topi;**
 - 3.7.3 Merokok dan meminum minuman keras semasa pertandingan adalah dilarang;
 - 3.7.4 Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan di atas, pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam pertandingan ini.

3.8 Markah

- 3.8.1 Markah yang terpapar di skrin markah setiap lorong adalah dikira sebagai markah rasmi;
- 3.8.2 Sekiranya berlaku kesilapan markah disebabkan masalah teknikal, Pengurus dikehendaki memaklumkan kepada "Lane Marshall" yang dilantik dengan segera. Pembetulan markah hanya boleh dilakukan oleh "Lane Marshall" yang dilantik oleh penganjur;
- 3.8.3 Bantahan terhadap sebarang markah hanya akan dilayan sekiranya dibuat sebelum balingan seterusnya dibuat.

3.9 Penipuan

- 3.9.1 Sekiranya didapati ada peserta yang cuba menipu dengan **mengubah markah atau kedudukan pemain** di skrin markah selepas atau semasa permainan berlangsung, maka secara automatik penyertaan pasukan tersebut akan terbatal dan tidak dibenarkan untuk meneruskan permainan.

4 YURAN DAN TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- 4.1 Yuran penyertaan bagi setiap pasukan adalah sebanyak **RM 900.00**.
- 4.2 Bayaran melalui cek hendaklah ditulis atas nama **MAKSAB SABAH** dan dibayar sebelum atau pada **30 Oktober 2015**. Bayaran selepas tarikh tersebut hendaklah dibuat secara tunai. Pembayaran terakhir secara tunai hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan yang akan diadakan pada **06 November 2015**. Bayaran semasa hari pertandingan ***tidak akan dilayan***.
- 4.3 Tarikh tutup penyertaan adalah **05 November 2015 (Khamis)**.

5 ACARA MASTER

- 5.1 Seramai 52 pemain individu yang mendapat jumlah jatuhan pin tertinggi +handicap daripada acara berpasukan (15 permainan), layak untuk menyertai acara master. Penyertaan akan dibuka mengikut urutan dari kedudukan yang ke-53 dan seterusnya jika ada pemain yang layak tidak menyertai acara master.
- 5.2 Yuran penyertaan bagi acara master adalah sebanyak **RM 200.00** seorang.
- 5.3 Setiap pemain akan bermain sebanyak 9 permainan dan selepas setiap 3 permainan, pertukaran lorong akan dibuat.
- 5.4 Step Ladder.
 - 5.4.1 Pemain yang menduduki 6 kedudukan terbaik akan melayakkan diri ke acara Step Ladder. Pemain yang berada di tempat ke-6, ke-5 dan ke-4 akan bermain dalam 1 permainan (suku akhir) dan pemain yang kalah akan menduduki tempat ke-6 dan ke-5 mengikut kedudukan jumlah jatuhan pin 9 permainan.
 - 5.4.2 Pemenang suku akhir akan berlawanan dengan pemain yang berada di kedudukan ke-3 dan ke-2 dalam 1 permainan (separuh akhir). Pemenang perlawanan ini akan berjumpa dengan pemain di kedudukan pertama dan yang kalah akan menduduki tempat ke-4 dan ke-3.
 - 5.4.3 Pemenang separuh akhir perlu mengalahkan pemain di kedudukan pertama sebanyak 2 permaianan. Perlawanan akhir adalah sebanyak 1 permainan sahaja jika pemenang separuh akhir kalah pada permainan pertama. Jika pemenang separuh akhir menang pada permainan pertama, maka permainan kedua akan dijalankan dan pemenang separuh akhir akan dianggap johan jika dapat memenangi kedua-dua permainan.

6 JADUAL DAN TEMPAT PERTANDINGAN

TARIKH/HARI	ACARA	MASA	TEMPAT
06 November 2015 (Jumaat)	Mesyuarat Pengurus Pasukan	7.30 Malam	CPS Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point Sabah
07 November 2015 (Sabtu)	Blok 1 Individu	9.00 Pagi	
	Blok 2 Individu	12.00 Thari	
	Blok 3 Individu	3.00 Petang	
	Blok 4 Individu	7.00 Malam	
08 November 2015 (Ahad)	Blok 1 Berdua	9.00 Pagi	
	Blok 2 Berdua	12.00 Thari	
	Blok 3 Berdua	3.00 Petang	
	Blok 4 Berdua	7.00 Malam	

TARIKH/HARI	ACARA	MASA	TEMPAT
09 November 2015 (Isnin)	Blok 1 Berempat	9.00 Pagi	CPS Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point Sabah
	Blok 2 Berempat	2.00 Petang	
	Blok 3 Berempat	7.00 Malam	
10 November 2015 (Selasa)	Master	9.00 Pagi	
	Step Ladder	2.00 Petang	
	Majlis Penyampaian Hadiah & Penutupan Pertandingan.	4.00 Petang	

7 JUMLAH HADIAH DITAWARKAN.

KEDUDUKAN	BERPASUKAN (RM)	MASTER (RM)	BEREMPAT (RM)	BERDUA (RM)	INDIVIDU (RM)
Johan	5,000 + Piala	2,000	800	400	200
Naib Johan	3,000 + Piala	1,000	600	300	150
Ketiga	2,000 + Piala	850	400	200	100
Keempat	1,500	750	320	160	80
Kelima	1,200	650	200	100	50
Keenam	1,000	550	-	-	-
Ketujuh	900	500	-	-	-
Kelapan	800	450	-	-	-
Kesembilan	700	350	-	-	-
Kesepuluh	600	250	-	-	-
High Game		RM 50.00	RM 200.00	RM100.00	RM 50.00

Keterangan Lanjut

Sila layari laman web www.maksak.sabah.gov.my bagi mendapatkan borang atau hubungi nama yang tertera dibawah untuk keterangan lanjut:

Encik Mohd. Ridzuan Ramli	- 0198894678 Faks: 088218758
Puan Rasemah Gulzuman	- 0138506676 Faks: 088270523
Puan Marisah Laten	- 088711386/323901 Faks: 088712092
Encik Wasal Wasli	- 0198511533
